

BAB II

PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN MELALUI AQIDAH

2.0 Pendahuluan

Islam merupakan agama yang berteraskan aqidah adalah satu sistem, satu cara hidup, juga kehidupan manusia yang diperaktikkan dalam semua aspek kehidupan. Sistem ini merangkumi konsep kepercayaan, iktiqad yang dapat menjelaskan hakikat kewujudan alam semesta dan dapat menentukan kedudukan manusia dalam alam ini serta menentukan matlamat hidup insan. Ciri-ciri agama Islam merupakan ciri-ciri yang menyeluruh, praktikal dan berkuasa.

Aqidah tauhid cuba disemai semula oleh Sayyid Qutb terhadap masyarakat Mesir yang pada anggapannya sudah mula terpesong dari ajaran Islam yang sebenar. Penekanan diberikan di mana mengiktiraf pensabitan bahawa Allah S.W.T itu mutlak dan Pencipta yang berkuasa. Tuhan berkuasa mencipta, mendidik dan mentadbir alam.¹ Dengan ini perlu ada penafian adanya selain dari Allah S.W.T. Prinsip tauhid yang ditekan ialah kefahaman, keagamaan dan kebajikan.

Asas tauhid perlu diperjelaskan semula kepada masyarakat Islam Mesir ketika itu. Sayyid Qutb banyak menyalurkan ajaran dan idea pemikiran Islam melalui penulisannya untuk dijadikan panduan mereka. Dalam memperkatakan tentang tauhid, seseorang itu dikatakan mempunyai aqidah yang kukuh apabila ia mengiktiraf keesaan dan kesatuan Allah, ketinggian dan kebenaran Allah S.W.T dan meyakini kebenaran bahawa Allah S.W.T itu yang wajib disembah. Satu bangsa ialah

sekumpulan manusia yang diikat oleh ikatan aqidah atau ideologi. Jika tidak mereka bukannya satu bangsa, kerana tiada sebarang ikatan yang menyatukan mereka. Geografi, ras, bahasa, keturunan dan kepentingan diri, tidak boleh dijadikan landasan bagi membentuk sebuah bangsa melainkan jika diikat oleh satu ikatan aqidah atau ideologi.²

Masyarakat Islam dibentuk oleh Sayyid Qutb adalah di atas dasar aqidah tauhid. Di dalam pembentukan masyarakat ini, perkara pertama yang ditekankan oleh Sayyid Qutb ialah dalam penyampaian dakwahnya ialah persoalan aqidah.³ Cara ini merupakan model penyebaran dakwah Rasulullah S.A.W yang memulakan langkah pertama baginda dengan menyeru manusia berikrar Tiada Tuhan Melainkan Allah. Baginda juga membimbing umat manusia supaya dapat mengenal Tuhan mereka yang sebenar agar mereka dapat mengabdikan diri kepada Nya.⁴

Aqidah Islamiyyah tidak memisahkan antara ilmu pengetahuan dengan agama, sebagaimana tidak terpisahnya manusia antara akal dengan tubuh fizikalnya. Pengabdian diri kepada Allah S.W.T semata-mata merupakan bahagian pertama dari rukun aqidah Islamiyyah yang digambarkan dengan syahadah *La Illaha Illa Allah*. Menerima ajaran bagaimana melakukan pengabdian kepada Rasulullah S.A.W merupakan bahagian kedua dari rukun aqidah Islamiyyah yang digambarkan dengan *Anna Muhammadan Rasulullah*.⁵

Dalam menjelaskan aqidah Islam ini Sayyid Qutb berpendapat masyarakat Mesir ketika itu hidup di dalam dunia jahiliyyah moden kerana mereka mengikut undang-undang dan peraturan jahiliyyah iaitu yang bertentangan dengan ajaran Islam.⁶ Sayyid

Qutb juga menjelaskan bahawa jahiliyyah zaman moden ialah mereka yang memisahkan antara agama dengan pemerintah.⁷ Beliau menyatakan bahawa dengan petunjuk al-Quran dapat menjamin kestabilan dan keselamatan masyarakat serta menjaga kepentingan hidup manusia.⁸

2.1 Peranan Aqidah

Di dalam buku karangannya, *Ma'alim fi al-Tariq*, Sayyid Qutb menegaskan bahawa setiap anggota masyarakat hendaklah menjadikan konsep syahadah sebagai panduan hidup. Konsep pengabdian diri ini merupakan tunjang kepada aqidah Islamiyyah hendaklah yang mengkehendaki umat Islam mengakui terhadap pengajaran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W mengenai cara menjalankan dan melaksanakan pengabdian diri. Konsep ini merupakan bahagian yang kedua daripada apa yang dapat dijelmakan ungkapan Muhammad itu utusan Allah S.W.T.⁹

Konsep syahadah ini dapat dijadikan garis pemisah di dalam beberapa perkara antaranya ialah dapat membezakan bentuk dan tabiat masyarakat Islam, program pertumbuhan dan perkembangan masyarakat Islam, program Islam dalam menghadapi masyarakat jahiliyyah dan juga program Islam dalam menghadapi kenyataan hidup umat manusia seluruhnya. Dengan pengabdian diri kepada Allah dalam semua urusan dapat menentukan bentuk dan tabiat masyarakat Islam. Pengabdian diri ini hendaklah dijalankan dalam bentuk simbol-simbol peribadatan, peraturan dan undang-undang.¹⁰

Dalam menjelaskan pembentukan masyarakat, Sayyid Qutb menyatakan bahawa masyarakat Islam ialah masyarakat yang di dalamnya dilaksanakan Islam : aqidah, ibadah, undang-undang, akhlak dan cara hidup. Berbeza dengan masyarakat jahiliyyah

iaitu masyarakat yang Islam tidak dilaksanakan di dalamnya, masyarakat yang tidak dipandu oleh Islam, baik dari segi aqidah, konsep, nilai, sistem dan undang-undang, moral dan tata susila.¹¹

Konsep syahadah menurut pandangan Sayyid Qutb mempunyai beberapa teori di dalam pembentukan masyarakat seperti menentukan watak masyarakat Islam, menentukan landasan Islam dalam menghadapi masyarakat jahiliyyah, menentukan landasan tumbuhnya masyarakat Islam dan menentukan landasan Islam dalam menghadapi realiti kehidupan manusia. Ciri masyarakat Islam dapat digambarkan melalui watak masyarakat iaitu masyarakat tersebut berpegang kepada teori pengabdian kepada Allah S.W.T semata-mata di dalam segala urusan kehidupan. Pengabdian diri ini digambarkan dalam bentuk iktiqad, ibadat dan syariat.¹²

Dalam buku karangan beliau *Jalan Pembebasan*, Sayyid Qutb menjelaskan fungsi kepercayaan agama dan pengaruhnya atas jiwa manusia ialah bahawa, agama mengembang-luaskan kekuatan orang beriman serta menambah kekuatan jasmani dan rohaninya. Kekuatan ini menjelaskan hal-hal ghaib yang sangat cepat mengubah kehidupan sehari-hari. Ini juga menjelaskan kekuatan yang mendorong seseorang mengorbankan jiwanya, melawan pemerintah, menolak kekayaan atau tidak menghiraukan senjata musuh. Semua kekuatan itu akan dikalahkan oleh kekuatan keyakinan orang beriman yang berasal dari sumber kekuatan yang tidak pernah berkurang itu.¹³

Kesimpulannya hanya keyakinan agamalah yang memungkinkan manusia berhubung dengan Allah Yang Maha Kuasa. Keyakinan semacam ini memberikan

kekuatan dan sokongan kepada manusia yang lemah sehingga kekuatan harta dan penindasan pun tidak mampu menggoyahkannya. Hanya dengan keyakinan agama ini sajalah manusia dapat bersabar, sekalipun dalam kesukaran, menanggung derita, bahkan manusia akan tetap memegang teguh imannya walaupun terpaksa menghadapi ancaman maut.

2.2 Pengertian Aqidah

Aqidah tauhid mempunyai pengertian yang sama, iaitu ilmu yang menyelidiki dan memeriksa kepercayaan seseorang berkaitan dengan ketuhanan, kerasulan dan sam'iyyat dengan dalil-dalil yaqiniyah yang aqliyah dan naqliyah yang boleh menghilangkan semua keraguan yang ada di dalam hati seseorang manusia.¹⁴

Konsep tauhid ini mempunyai beberapa natijah antaranya ialah pertama, manusia sebagai hamba Allah iaitu semua manusia dianggap sebagai hamba di sisi Allah S.W.T. Ukuran sesuatu bangsa di sisi Allah adalah ketakwaan mereka. Konsep ini menjadikan di antara manusia itu persamaan antara sesama manusia. *Universal brotherhood of mankind* atas dasar taqwa. Keduanya ialah nilai yang tinggi di sisi Allah S.W.T ialah taqwa yang menyebabkan seseorang itu tunduk kepada segala perintah Allah S.W.T. Konsep ini adalah konsep yang paling maju dan tepat untuk menyatupadukan seluruh umat di muka bumi ini. Konsep taqwa ini merupakan satu sifat kerohanian dan bukannya bersifat kebendaan.¹⁵

Sayyid Qutb menjelaskan bahawa masyarakat Islam tidak membezakan rupabangsa malah mengumpulkan masyarakat berdasarkan aqidah tidak mengira warna kulit, bangsa dan keturunan. Umat manusia dianggap sama sahaja menjadi umat yang

satu bertuhankan Allah S.W.T. Islam lebih mengutamakan dan memuliakan di dalam masyarakat orang yang paling bertakwa menjunjung hukum dan perintah Allah S.W.T.¹⁶

Menurut Sayyid Qutb aqidah yang teguh ialah yang dapat membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun di atas asas-asas seperti pengabdian diri kepada Allah Yang Maha Esa, berorganisasikan atas dasar aqidah, keagungan dan keluhuran nilai kemanusiaan berbanding dengan nilai benda, berfungsinya nilai-nilai kemanusiaan yang menyebabkan berkembangnya sifat "kemanusiaan", bukan sifat "kebinatangan", kesucian keluarga, melaksanakan tugas khilafah di bumi Allah S.W.T dengan mengikut panduan Allah S.W.T dan setia memegang janji dan amanah Allah S.W.T juga mematuhi syariat sahaja di dalam semua urusan khilafah ini.¹⁷

Sayyid Qutb menjelaskan bahawa aqidah merupakan rupabangsa muslim. Islam datang membawa satu konsep baru untuk umat manusia konsep mengenai hakikat segala tali temali dan alat penghubung. Serentak dengan itu Islam juga membawa satu konsep baru mengenai hakikat nilai-nilai dan hakikat dari manakah nilai-nilai itu perlu diterima. Beliau berpendapat Islam yang didatangkan dengan aqidah yang sempurna untuk membawa umat manusia kembali ke pangkuhan TuhanYa juga untuk menjadikan kuasa Tuhan itu sebagai kuasa yang tunggal tempat manusia mencedok dan mendapatkan nilai-nilai, seperti mana juga manusia itu beroleh wujud dan hidup dirinya juga tempat manusia kembali, seperti juga dari iradatNya manusia merangkak keluar ke dunia dan ke pangkalNya manusia menyusur keluar.¹⁸

2.3 Cabaran Aqidah Islam

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam adalah kesan yang wujud daripada penjajahan kuasa-kuasa Barat. Di Mesir pengaruh Barat mula menular di dalam masyarakatnya apabila Mesir jatuh ke tangan Napolen Bonaparte pada tahun 1798 dan bermulalah lembaran sejarah baru bagi dalam sejarah Mesir. Beberapa institusi pengajian telah didirikan antaranya ialah Institusi d'Egypte yang berfungsi sebagai institusi pendidikan dalam masa yang sama masyarakat Mesir telah diperkenalkan dengan tamadun Barat.¹⁹

Beberapa tokoh modenisme Mesir lahir akibat pengaruh barat antaranya ialah al-Tontowi, Sayyid Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh. Pelbagai gerakan pembaharuan telah dilakukan di dalam masyarakat oleh para sarjana ini. Antaranya Muhammad Abduh banyak berjasa dalam membawa pembaharuan masyarakat Islam, namun tafsirannya terhadap nilai-nilai modenisme barat yang tinggi malah cuba menyesuaikannya dengan amalan Islam telah mendapat tentangan dari sarjana Islam yang lain.²⁰

Kesan arus pembaratan di Mesir telah mempengaruhi beberapa orang cendiakawan yang berkelulusan Al-Azhar telah terpengaruh fahaman Barat. Antaranya ialah Saad Zaghlul, Qasim Amin dan Taha Husayn juga Rashid Rida²¹ yang merupakan penuntut Syeikh Muhammad Abduh yang terkenal.

2.3.1 Cabaran Sekularisme

Sekularisme merupakan ancaman yang besar terhadap umat Islam ini. Ia merupakan fahaman yang cuba memisahkan urusan-urusan keduniaan dengan urusan-urusan

akhirat.²² Ia meninggalkan peranan agama (Kristian) dan Tuhan daripada segala urusan kehidupan manusia. Dalam takrif yang lain ia juga memberi maksud memisahkan secara mutlak antara ilmu pengetahuan daripada pengaruh dan tuntutan agama.

Islam menentang fahaman sekularisme kerana konsep yang diketengahkan itu jauh terasing dari ajaran Islam yang sebenar sama ada yang berkaitan tentang aktiviti kehidupan mahupun cara peribadatan. Masyarakat Islam mempunyai keterikatan di bawah lingkungan bidang kuasa syariah amat jauh berbeza dengan fahaman sekularisme ini.

Islam secara tegasnya menolak sama sekali fahaman sekularisme ini di mana sekularisme berkonsepkan dualisme²³ sedangkan Islam tertegak di atas dasar tauhid. Dalam Islam adanya keterikatan antara kehidupan dunia dan akhirat. Malah kehidupan dunia penting bagi menentukan kehidupan di akhirat.

Pelbagai kegiatan mensekularkan masyarakat berlaku antaranya ialah lahirnya aliran *Pembebasan Wanita* yang dibawa oleh Qasim Amin. Budaya Barat yang mula menular di Mesir cuba mengubah cara hidup dan budaya asal masyarakat Mesir. Kesannya dapat dilihat melalui tulisan-tulisan yang menyeru supaya wanita-wanita Mesir membuka hijab dan digalakkan bergaul bebas antara lelaki dengan perempuan.²⁴

Usaha Qasim Amin di dalam memperkenalkan cara berpakaian baru masyarakat Mesir telah mendapat sokongan dari Saad Zaghlul dan isterinya Safiah Hamin Zaghlul. Safiah telah memimpin satu demonstrasi sekumpulan wanita Mesir membuka

hijab dan membakarnya di hadapan Inggeris bertujuan untuk menuntut kebebasan Mesir dan kebebasan wanita. Implikasinya, bermulalah satu budaya baru rakyat Mesir yang bergaul bebas antara lelaki dengan perempuan hingga maksiat berleluasa dan berlaku keruntuhan moral.²⁵ Walaupun fenomena ini cuba dibendung oleh para ulama, namun usaha-usaha ini kurang berjaya kerana unsur-unsur negatif lebih banyak mendorong rakyat Mesir ke dalam kancang kerosakan moral dan memuaskan tuntutan hawa nafsu.

Antara buku-buku yang dihasilkan oleh Qasim Amin ialah *Tahrir al-Mar'ah (Emansipasi Wanita)* dan *al-Mar'ah Jadidah (Wanita Moden)*²⁶ menjelaskan pelbagai pemikiran baru tentang Pembebasan Wanita. Bagi Amin umat Islam akan mencapai kemajuan fikirannya melihat ke hadapan iaitu jalan-jalan yang ditempuh oleh kuasa Barat.

2.3.2 Cabaran Kapitalisme

Islam menolak sistem kapitalisme barat dengan alasan bahawa kapitalisme itu adalah teori ciptaan manusia.²⁷ Teori yang dicipta oleh manusia itu banyak yang bertentangan dengan peraturan syariah ciptaan Allah S.W.T. Hanya Islam sahaja suatu peraturan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada umat manusia begitu juga menerapkan peraturan-peraturan yang sesuai untuk masyarakat pada setiap zaman.

Sistem kapitalisme amat jauh terpesong dengan ajaran Islam. Kapitalisme membolehkan orang-orang kaya memakan riba dan menganggap riba suatu yang penting.²⁸ Islam melarang sama sekali amalan tersebut dalam segala bentuk. Kapitalisme menilai manusia hanya sebagai bahan sahaja, tidak memiliki jiwa dan

fikiran serta budi pekerti dan tujuan-tujuan kerohanian. Kapitalisme tidak pernah memperdulikan masyarakat dari segi mempertingkatkan kerohanian dan tanggungjawab.

2.3.3 Cabaran Liberalisme

Liberalisme ialah aliran pemikiran yang bertujuan untuk meningkat kebebasan yang diberi kepada individu. Fahaman ini lebih memberikan kebebasan kepada individu tanpa sekatan atau dengan sekatan yang paling sedikit dalam ekonomi, politik, perundangan dan sosial. Beberapa aliran fahan dijelmakan melalui konsep liberalisme antaranya ialah individu lebih penting dari masyarakat. Masyarakat wujud untuk individu dan individu bebas dari nilai-nilai agama.²⁹

Sayyid Qutb menolak fahaman ini kerana gagasan yang diutarakan oleh fahaman liberalisme ini jauh sama sekali dari kesucian ajaran Islam di mana fahaman ini berpegang kepada nilai etika bagi mengawal ketenteraman masyarakat bukannya nilai moral agama. Liberalisme mendakwa bahawa nilai moral dan akhlak berubah dari masa ke semasa. Golongan ini mendakwa manusia itu sendiri masih dalam proses ubah ansur daripada haiwan rendah ke haiwan lebih tinggi.³⁰

2.3.4 Cabaran Komunisme

Fahaman komunisme memandang hidup ini hanya adat kebiasaan sahaja juga menyebarkan faham ateisme.³¹ Komunisme bertentangan dengan Islam kerana Islam ditegakkan atas asas aqidah yang didasari oleh keimanan kepada Allah S.W.T, sebagai pencipta, keimanan terhadap nabi-nabi dan rasul-rasul dan keseluruhannya yang dapat digambarkan oleh aqidah Islam.

Beberapa pandangan beliau telah diutarakan di dalam bukunya *Ma'alim fi al-Tariq* berkaitan fahaman komunisme yang mengancam umat Islam . Komunis anti agama sama ada dari segi teori dan praktis. Mereka menindas umat Islam di mana harta dan tanah mereka dirampas dan semua pengaruh Islam cuba dihapuskan. Islam menolak sama sekali sistem komunisme kerana sistem ini adalah sistem rekaan manusia, kufur kepada Allah S.W.T dan rasulnya. Pegangan hidup komunisme ialah Das Capital. Komunisme menolak unsur-unsur kerohanian dan keakhiratan. Bagi komunisme mereka tidak mengakui hakmilik perseorangan. Semua hak adalah hakmilik negara dan rakyat hanya diberi keperluan asas.³²

Sayyid Qutb dalam bukunya *Ma'alim fi al-Tariq* menjelaskan Komunisme berhasrat mendirikan perkumpulan masyarakat manusia bermodel lain, yang melangkau unsur-unsur kebangsaan dan warna kulit, tanahair dan bangsa, tapi bukanlah dibangunkan berdasarkan kemanusiaan malah berlandaskan pertentangan kelas. Masyarakat ciptaan komunis merupakan masyarakat yang setanding dengan masyarakat ciptaan Romawi yang satu berdasarkan tingkatan kaum (tuan) dan hamba. Terdapat satu lagi kelas masyarakat yang terdiri dari golongan mlarat kerana ditindas iaitu proletariat dan kaum menengah (borjuis).³³

Sayyid Qutb berpendapat bahawa masyarakat yang lahir dari golongan komunis akan mencetuskan gejala-gejala buruk dalam sejarah hidup umat manusia. Apa yang lahir dari masyarakat sedemikian ialah ciri-ciri dan sifat-sifat kehaiwanan yang hanya beranggapan hidup bagi memenuhi keperluannya sahaja iaitu makan, minun, dan lainnya sama seperti keperluan asasi haiwan.³⁴

Islam mengangkat darjat manusia dengan cara menonjolkan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi dalam membentuk masyarakat manusia. Manusia adalah makhluk yang dimuliakan oleh Allah S.W.T sebagai khalifah untuk mentadbir bumi ini seharusnya menjadikan atas tauhid sebagai panduan dalam pembentukan sesuatu masyarakat yang menjunjung perintah Allah S.W.T dan menjauhi larangannya.

Sayyid Qutb juga memberi definisi masyarakat jahiliyyah sebagai masyarakat komunis yang perlu diserangi disebabkan oleh beberapa perkara. Pertama kerana masyarakat komunis engkar akan zat Allah S.W.T sama sekali, juga mereka berpandukan kepada benda dan alam. Kedua, masyarakat komunis mendirikan sesuatu sistem pengabdian diri kepada parti, dengan menganggap bahawa pimpinan kolektif itu adalah suatu hakikat sebenarnya yang menguasai parti komunis, dan bahawa pimpinan dan pengabdian itu bukanlah sama sekali kepunyaan Allah S.W.T.³⁵

Rumusan

Masyarakat Islam terbina di atas dasar aqidah yang dijelmakan sebagai pengabdian diri terhadap Allah S.W.T dalam segenap kehidupan mereka. Masyarakat Islam tidak akan terbentuk tanpa keimanan dan keyakinan yang teguh terhadap keesaan Allah S.W.T. Aqidah menyatukan umat manusia di bawah satu kesatuan sama ada dalam bidang peribadatan ataupun amalan sehari-hari.

Sayyid Qutb berpendapat masyarakat jahiliyyah bukan masyarakat Islam. Masyarakat jahiliyyah dapat ditakrifkan sebagai masyarakat yang tidak memurnikan pengabdiannya kepada Allah S.W.T semata, baik yang digambarkan dalam bentuk iktiqad, amalan-amalan ibadat maupun dalam bentuk syariat undang-undang.

Masyarakat jahiliyyah seperti yang digambarkan oleh Sayyid Qutb ialah masyarakat yang engkar sama sekali akan wujudnya zat Allah S.W.T dan membuat tafsiran secara benda terhadap sejarah, melaksanakan sistem sosialisme saintifik sebagai panduan hidup. Dengan berpegang kepada konsep syahadah ini maka akan melahirkan masyarakat Islam. Masyarakat yang digambarkan ialah yang mengabdikan diri kepada Allah S.W.T yang digambarkan oleh individu dalam bentuk ibadah. Berbeza dengan masyarakat jahiliyyah yang merupakan masyarakat yang tidak memurnikan pengabdian diri kepada Allah sama ada dalam bentuk peribadatan, iktiqad ataupun dalam bentuk syariat.

Allah S.W.T melebihkan manusia yang satu dari manusia lain atas dasar aqidah walaupun ada ikatan kesukuan dan kefanatikan kaum. Aqidah adalah pemikiran yang memenuhi hati dan akal, serta gambaran yang menafsirkan erti benda dan kehidupan. Kehidupan tanpa aqidah merupakan kehidupan yang kosong dari unsur ketuhanan dan pengabdian diri terhadap Pencipta. Islam yang didatangkan dengan aqidah yang benar akan dapat menyempurnakan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat.

Keimanan kepada Allah Yang Maha Esa adalah dasar pertama dalam pembentukan kesatuan kerohanian dalam masyarakat Islam. Kepercayaan dan keyakinan yang bertapak kukuh dalam jiwa individu muslim akan memperkuat dan memperteguhkan lagi pembinaan masyarakat yang lahir atas dasar tauhid. Kepercayaan inilah didasari oleh ajaran Al-Quran dan setiap perkara yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W.

Sayyid Qutb menggunakan konsep tauhid dalam menyatukan masyarakat Mesir bagi membangkitkan semula syiar Islam yang telah dijajah oleh kuasa Barat sama ada dari segi fikiran, kebudayaan, politik juga ekonomi. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh Sayyid Qutb dalam penyebaran dakwahnya telah menguatkan lagi semangatnya walaupun tindakan beliau mendapat tentangan hebat terutamanya pihak pemerintahan.

Nota Hujung

1. Sayyid Qutb, *Jalan Pembebasan, Rintisan Islam Menuju Perdamaian Dunia*, (Jakarta: Salahuddin Press, 1985) hlm.101
2. Sayyid Qutb, *Hadha al-Din*, (Kuala Lumpur:Pustaka Salam, 2000), hlm. 140.
3. S.Badrul Hasan, *Bibliografi Asy-Syahid Sayyid Qutb*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1995), hlm.28.
4. Sayyid Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, (Kuala Lumpur: Crescent News Sdn Bhd, 1994), hlm. 19.
5. Ibid., hlm. 84
6. Ibrahim Abu Rabi, *Islamic Quarterly*, “Sayyid Qutb: From Religious Realisme To Radical Social Critism”, Vol. xxviii, No 2, 1984, hlm. 117.
7. Ibid., hlm .115.
8. Abebowale S Agbetol, *Islamic Studies*, “Sayyid Qutb On The Social Crime Steeling”, Vol xx No 2 1981, hlm. 93.
9. Sayyid Qutb, *Petunjuk*, hlm.84
10. Ibid., hlm .85.
11. Ibid., hlm .112.
12. Ibid., hlm. 85.
13. Sayyid Qutb, *Di Bawah Panji-Panji Islam*, (Singapura: Pustaka National PTE.LTD, 1984), hlm .10.
14. Said Haji Ibrahim (Hj), *Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah*, (Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah, 1996), hlm.5.
15. Ibid.hlm 5.

16. Sayyid Qutb, *Petunjuk*, hlm. 16.
17. Ibid., hlm .128.
18. Ibid., hlm.144.
19. Abdul Rahman Hj Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini Sejarah dan Aliran*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1992), hlm. 98.
20. Ibid., hlm. 100.
21. Ibid., hlm .107.
22. Siddiq Fadil. *Kebangkitan Ummah Kenyataan dan Harapan*, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1977), hlm. 21.
23. Ibid.hlm.21.
24. Abdul Rahman Hj Abdullah, *Pemikiran Islam*, hlm. 106.
25. Ibid., hlm. 104.
26. Ibid., hlm. 105.
27. Mustafa Haji Daud, *Pengantar Masyarakat Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm. 47.
28. Ibid., hlm 49.
29. Sulaiman Nordin, *Islam, al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1995), hlm. 171.
30. Ibid., hlm. 173.
31. Ibid.,hlm .174.
32. Ibid.hlm.174.
33. Sayyid Qutb, *Petunjuk*, hlm .48.
34. Ibid.hlm.48.